

09/10/2001

Akujanji perkukuh taat setia kakitangan kerajaan

KABINET memutuskan untuk mewajibkan kakitangan awam menandatangani akujanji selepas mendapati ada kakitangan awam yang tidak mematuhi Perintah Am kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya akujanji itu, kakitangan kerajaan juga tidak akan lagi mempunyai perasaan was-was untuk menjalankan segala arahan kerajaan.

"Daripada dulupun memang orang yang bekerja dengan kerajaan bersetuju untuk mematuhi segala Perintah Am yang disediakan kerajaan.

"Tetapi sekarang ini nampak ada yang tidak patuh kepada Perintah Am, walaupun mereka terikat dengan Perintah Am. Justeru, bagi menjelaskan keadaan ini kita adakan akujanji," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, bahawa Kabinet Rabu lalu sudah meluluskan penguatkuasaan akujanji itu.

Sebelum ini, akujanji itu dicadangkan untuk pensyarah dan pelajar institusi pendidikan tinggi untuk memastikan mereka tidak terbabit dalam kegiatan meracuni pemikiran pelajar lain seperti penentangan terhadap kerajaan.

Ditanya apakah langkah itu turut membabitkan golongan berkenaan, Dr Mahathir berkata, semua guru, pensyarah dan pelajar universiti juga perlu menandatangani akujanji itu.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak membabitkan pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), tetapi menerusi aturan biasa saja.

Pelaksanaan akujanji itu tidak perlu dibentangkan di Parlimen kerana ia bukannya akta.

(END)